

Tanah runtuh benam kereta

Orang ramai dengar dentuman sangka bunyi guruh

B/A/ 2/6/12 MS 8

FOTO | Zuhainy Zukiffli

>>Oleh Zuhainy Zukiffli
am@hmetro.com.my

GORGETOWN: Tiga kereta rosak teruk selepas tertimbus dalam kejadian tebing runtuh di Jalan Bunga Cempaka Putih, Puncak Bukit Mutiara, Tanjung Bungah, jam 9 pagi semalam.

Saksi kejadian yang mahu dikenali sebagai Lim, 30, berkata kereta berkenaan diletakkan di tempat kejadian sejak awal pagi berhampiran tebing sebuah rumah mewah dua tingkat dan dipercayai milik individu yang bekerja di kawasan itu.

Menurutnya, dia sedang menikmati sarapan di sebuah kedai terletak kurang 30 meter dari tempat kejadian.

"Saya dan beberapa pelanggan kemudian dikejutkan dengan dentuman kuat disertai hujan lebat tetapi mulanya hanya menyangka ia bunyi petir dan guruh.

"Namun, selepas diperiksa didapati terdapat kejadian tanah runtuh membuatkan kami bergegas ke tempat berkenaan dan mendapati tiada sesiapa dalam tiga kenderaan berkenaan.

"Kereta itu, sebuah Perodua Kancil, Proton Wira dan Proton Persona," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tanjung Bungah, Teh Yee Cheu, berkata beliau menerima panggilan daripada pemilik rumah berkenaan kira-kira jam 9 pagi



REMUK...kakitangan MPPP mengeluarkan kenderaan yang rosak dalam kejadian runtuhan tebing, semalam.

selepas membuat aduan polis.

Menurutnya, beliau sudah melaporkan kejadian itu kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan satu siasatan serta kajian menyeluruh akan dijalankan bagi mengenal pasti punca run-

tuhan itu.

"Selain itu, kajian dan pemeriksaan lanjut di semua penempatan lereng bukit sekitar Tanjung Bungah akan dijalankan bagi memastikan kekukuhan dan keselamatan tebing.

"Penduduk di kawasan le-

tereng bukit dinasihatkan membuat pemeriksaan sendiri kediaman masing-masing dan membuat laporan kepada pihak berkuasa dan pihak berkuasa tempatan jika mendapati terdapat struktur yang tidak stabil," katanya.